



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS GRADUASI PROGRAM SIJIL PROFESIONAL
ASAS KERJA SOSIAL (SPAKS)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**HOTEL PULLMAN, KUALA LUMPUR
23 JANUARI 2025 (KHAMIS)
2.00 PETANG**

Kemas kini 22 Januari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada **Majlis Graduasi Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS)**. Hari ini adalah detik yang sangat istimewa, bukan sahaja untuk para graduan tetapi juga buat keluarga, tenaga pengajar, dan kita semua yang menyaksikan hasil usaha anda semua ini.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian. Kejayaan ini mencerminkan dedikasi, komitmen, dan kecekalan anda untuk mencapai impian walaupun berhadapan pelbagai cabaran.
3. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada para tenaga pengajar, yang tidak mengenal erti penat lelah dalam mencurahkan ilmu dan membimbing para pelajar. Tanpa

usaha dan sokongan anda, kejayaan hari ini tidak mungkin tercapai.

(B) PENDAHULUAN

Hadirin sekalian,

4. Program SPAKS adalah satu inisiatif penting yang dirancang untuk membentuk pekerja sosial yang profesional, kompeten, dan bersedia menangani cabaran isu sosial yang semakin kompleks. Dalam era perubahan global yang pesat,

pekerja sosial kini tidak hanya memerlukan empati tetapi juga kemahiran praktikal, ilmu pengetahuan terkini, dan sikap yang proaktif.

5. Melalui kurikulum yang direka khas, program ini membantu meningkatkan keupayaan pegawai dan kakitangan dari pelbagai latar belakang, termasuk mereka yang sudah berpengalaman luas tetapi tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kerja sosial. Usaha ini penting untuk

memastikan mereka dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran terkini agar lebih berdaya saing dan relevan.

6. Graduan SPAKS, anda adalah agen perubahan. Anda membawa harapan baru kepada masyarakat yang memerlukan sokongan dan bimbingan. Kejayaan anda adalah bukti bahawa usaha keras tidak pernah sia-sia. Saya yakin, setiap langkah yang anda ambil selepas ini akan membawa impak positif kepada masyarakat, terutama

golongan rentan yang amat memerlukan bantuan dan perhatian.

(C) CABARAN DAN MASA DEPAN PEKERJAAN SOSIAL

Puan-puan dan tuan-tuan yang dikasihi sekalian,

7. Malaysia sedang menghadapi pelbagai cabaran, termasuk perubahan demografi yang pesat. Menjelang 2030, kita dijangka menjadi negara menua, di mana 15 peratus daripada populasi kita terdiri daripada warga emas. Cabaran ini akan memberi tekanan besar kepada sistem sosial dan ekonomi negara.

8. Oleh itu, pekerja sosial mesti dilengkapi dengan kemahiran moden seperti penggunaan data besar (*big data*), kerja sosial berasaskan bukti (*evidence-based practice*), dan pembangunan dasar berpandukan keperluan masyarakat. Teknologi juga harus dimanfaatkan. Saya memuji pelancaran platform seperti E-Pembelajaran Perkhidmatan Sosial (EPPESO) oleh Institut Sosial Malaysia, yang menyediakan akses kepada latihan berkualiti di mana sahaja dan bila-bila masa.

9. Kita juga harus melihat Program SPAKS sebagai satu usaha penting dalam melahirkan pekerja sosial yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan dengan cekap dan profesional.

(D) DASAR SOSIAL NEGARA 2030

10. Dasar Sosial Negara 2030 yang dilancarkan baru-baru ini adalah panduan strategik untuk membina masyarakat yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Dasar ini memberi tumpuan kepada golongan rentan seperti orang kurang upaya, warga

emas, dan kanak-kanak, memastikan tiada siapa yang ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

11. Program SPAKS secara tidak langsung menyokong matlamat dasar ini dengan melahirkan lebih ramai pekerja sosial yang mampu memperkasakan masyarakat. Apabila kita melindungi dan memberikan peluang kepada golongan rentan, kita bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan

mereka, tetapi juga memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang progresif dan inklusif.

(E) INSPIRASI DAN HARAPAN

12. Sebagai graduan SPAKS, ingatlah bahawa pekerjaan anda bukan sekadar kerjaya tetapi adalah misi untuk membawa perubahan. Seperti kata Eleanor Roosevelt, *“The future belongs to those who believe in the beauty of their dreams.”* Teruskan percaya kepada keindahan impian anda dan jadilah inspirasi kepada orang lain.

(F) PENUTUP

13. Akhir sekali, saya mengucapkan syabas kepada Institut Sosial Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Universiti Utara Malaysia atas kejayaan menganjurkan majlis ini.
14. Kepada para graduan, ingatlah bahawa anda adalah harapan negara dalam memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Apa sahaja kebaikan yang anda

semai hari ini akan menjadi buah yang dinikmati oleh generasi akan datang.

15. Dengan penuh rasa syukur, saya dengan ini merasmikan
“Majlis Graduasi SPAKS 2025.”

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
23 JANUARI 2024